

02/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2 jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2010

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian : Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Bahagian C mempunyai lima pilihan dan anda dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.*
5. *Bahagian D juga tidak mempunyai pilihan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A (i) : Ringkasan
[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang cara-cara menangani gejala buli. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Gejala buli kian membarah dalam kalangan pelajar. Akhbar-akhbar harian menyiarkan kes-kes buli ini hampir setiap hari. Mangsa yang dibuli akan *merobah personaliti* mereka menjadi seorang yang penakut. Jika dibiarkan berterusan individu yang terbabit akan menjadi lemah dan kurang keyakinan diri. Mereka juga akan menjadi orang terlalu emosional hingga menjejaskan hubungan mereka dengan keluarga dan masyarakat.

Pelaksanaan program mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif dilihat sebagai langkah berkesan membanteras perbuatan buli di sekolah. Penetapan tingkah laku yang tidak diterima di sekolah juga merupakan kaedah positif mengelakkan gejala ini daripada berterusan. Penglibatan ibu bapa dalam perbincangan dengan guru bagi menyelesaikan tingkah laku anak mereka juga sangat penting. Kementerian Pelajaran pula digesa supaya mewujudkan dasar antibuli di sekolah-sekolah bagi mengawal gejala ini. Perbincangan antara pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru dan pertubuhan-pertubuhan lain amat penting bagi mewujudkan dasar tersebut.

Kadang-kadang pelajar sendiri tidak tahu mereka membuli. Oleh itu, suatu bentuk perjanjian dengan pelajar yang terbabit membolehkan pihak sekolah mengenakan tindakan terhadap mereka yang membuli perlu diwujudkan. Peraturan sekolah tentang dasar antibuli hendaklah ditampalkan secara hitam putih di dalam kelas. Dalam hal ini, guru perlu memainkan peranan penting dengan mengedarkan risalah antibuli dan memberikan penjelasan mengenainya.

Sementara itu, kaunselor bertanggungjawab memanggil pembuli dan mangsa untuk diberikan kaunseling secara berasingan atau memanggil ibu bapa pelajar terbabit. Memandangkan tidak banyak kajian tentang masalah buli maka langkah untuk menyediakan laman web khas bagi memberikan kesedaran berhubung gejala tersebut sangat perlu. Pihak sekolah juga boleh membina laman web sendiri bagi membolehkan pelajar berkongsi pengalaman mereka sebagai mangsa buli.

Peranan pelbagai pihak perlu dalam menangani gejala buli agar tidak menjadi virus yang sukar dibendung kemudian hari. Sikap menuding jari antara satu sama lain tidak banyak membantu menyelesaikan masalah ini. Perkara pokok bagi menyelesaikan masalah ini hanyalah dengan duduk semeja dan berbincang tentangnya.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Menangani Masalah Buli di Sekolah,
Haji Samat Buang, Dewan Siswa, Ogos 2005)

Bahagian A (ii) - Pemahaman
[10 markah]

Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud *merobah personaliti* dalam petikan. [2 markah]


2. Berdasarkan petikan, nyatakan dua perubahan sikap mangsa yang dibuli? [4 markah]

3. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu membanteras gejala buli? [4 markah]

Bahagian B
[20 markah]

Berdasarkan graf di bawah, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor peningkatan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pelajar yang mendapat 8A/9A PMR 2005 - 2007



Soalan 1 (2 markah)

- mengubah sikap/tingkah laku/kelakuan/perangai/fiil (2 markah)
- bertukar sikap/tingkah laku/kelakuan/perangai/fiil (2 markah)

Soalan 2 (4 markah)

Perubahan sikap mangsa buli

- menjadi seorang yang penakut
- lemah dan kurang keyakinan diri
- terlalu emosional
- merenggangkan hubungan kekeluargaan

Soalan 3 (4 markah)

Gejala buli perlu dibanteras

- pelajar berasa selamat ketika belajar di sekolah
- pelajar dapat memberi tumpuan terhadap pembelajaran di dalam kelas
- meyakinkan ibu bapa bahawa anak-anak mereka dapat belajar dengan aman
- memudahkan pihak sekolah mengawal hal ehwal pelajar

Terima mana-mana 2 isi dan isi-isi yang sesuai /logik

Arahan Soalan :

Berdasarkan graf di bawah, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor yang berjaya meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tugasan : Faktor-faktor yang berjaya meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR**Cadangan Jawapan****Pendahuluan :**

- Bilangan pelajar yang memperoleh gred A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) terus meningkat dari tahun 2005 hingga 2007.
- Pencapaian ini pastinya menggembirakan semua pihak sama ada pelajar-pelajar, ibu bapa dan juga guru.

Isi-isi : (Faktor-faktor yang berjaya meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR)

- Program kecemerlangan yang dijalankan oleh pihak sekolah.
 - Pihak pengurusan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti.
 - Antara aktiviti yang diadakan seperti latih tubi, bengkel menjawab soalan, ceramah dan lain-lain.
 - Guru bersungguh-sungguh untuk membantu pelajar.
- Pelajar mengikuti kelas tuisyen :
 - Kelas tuisyen biasanya diadakan pada waktu petang atau malam.
 - Kelas-kelas tuisyen dikendalikan oleh guru-guru sekolah dan persendirian.
 - Pelajar akan lebih memahami tajuk-tajuk yang diajar oleh guru di sekolah.
 - Biasanya pelajar akan dikenakan bayaran tertentu bagi setiap mata pelajaran.
- Sikap ibu bapa yang prihatin terhadap pelajaran anak-anak :
 - Ibu bapa sentiasa mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak
 - Ibu bapa sentiasa berbincang dengan guru-guru tentang prestasi anak-anak mereka.
 - PIBG memberi bantuan dalam bentuk kewangan
- Kegigihan pelajar :
 - Pelajar mempunyai keazaman yang tinggi untuk berjaya.
 - Pelajar memberi tumpuan semasa guru mengajar di dalam kelas.
 - Pelajar membuat ulang kaji dan latihan.

Kesimpulan :

- Kejayaan yang dicapai oleh pelajar-pelajar pada hari ini membuktikan sistem pendidikan di negara kita semakin maju.

Arahan Soalan :

Berdasarkan graf di bawah, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor yang berjaya meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tugasan : Faktor-faktor yang berjaya meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR**Cadangan Jawapan****Pendahuluan :**

- Bilangan pelajar yang memperoleh gred A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) terus meningkat dari tahun 2005 hingga 2007.
- Pencapaian ini pastinya mengembirakan semua pihak sama ada pelajar-pelajar, ibu bapa dan juga guru.

Isi-isi : (Faktor-faktor yang berjaya meningkatkan jumlah pelajar yang memperoleh gred A dalam PMR)

- Program kecemerlangan yang dijalankan oleh pihak sekolah.
 - Pihak pengurusan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti.
 - Antara aktiviti yang diadakan seperti latihan tubi, bengkel menjawab soalan, ceramah dan lain-lain.
 - Guru bersungguh-sungguh untuk membantu pelajar.
- Pelajar mengikuti kelas tuisyen :
 - Kelas tuisyen biasanya diadakan pada waktu petang atau malam.
 - Kelas-kelas tuisyen dikendalikan oleh guru-guru sekolah dan persendirian.
 - Pelajar akan lebih memahami tajuk-tajuk yang diajar oleh guru di sekolah.
 - Biasanya pelajar akan dikenakan bayaran tertentu bagi setiap mata pelajaran.
- Sikap ibu bapa yang prihatin terhadap pelajaran anak-anak :
 - Ibu bapa sentiasa mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak
 - Ibu bapa sentiasa berbincang dengan guru-guru tentang prestasi anak-anak mereka.
 - PIBG memberi bantuan dalam bentuk kewangan
- Kegigihan pelajar :
 - Pelajar mempunyai keazaman yang tinggi untuk berjaya.
 - Pelajar memberi tumpuan semasa guru mengajar di dalam kelas.
 - Pelajar membuat ulang kaji dan latihan.

Kesimpulan :

- Kejayaan yang dicapai oleh pelajar-pelajar pada hari ini membuktikan sistem pendidikan di negara kita semakin maju.

BAHAGIAN C
KARANGAN RESPON TERBUKA
(40 MARKAH)

PERINGKAT PENCAPAIAN	DESKRIPSI
A (34 – 40)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ❖ Penggunaan dan tanda baca yang betul. ❖ Isi relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh yang sesuai. ❖ Pengolahan menarik serta berkesan. ❖ Pemerenggan sesuai dan format menepati kehendak tugas. ❖ Terdapat penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa.
B (27 – 33)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ❖ Penggunaan ejaan dan tanda baca betul. ❖ Penggunaan kosa kata luas. ❖ Isi relevan, huraian jelas berserta dengan contoh. ❖ Pengolahan menarik, pemerenggan sesuai dan format menepati tugas. ❖ Terdapat penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa
C (20 -26)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan ayat majmuk gabungan gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ❖ Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan ejaan dan tanda baca. ❖ Penggunaan kosa kata umum dan terdapat kesalahan yang minimum. ❖ Isi relevan dan huraian masih jelas. ❖ Pengolahan masih menarik, pemerenggan masih sesuai dan format sesuai mengikut tugas.
D (13 – 19)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Penggunaan ayat mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ❖ Terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan ejaan dan tanda baca. ❖ Isi masih relevan tetapi huraian tidak jelas. ❖ Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai dan format kurang tepat /format bercampur aduk.
E (01 – 12)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.

BAHAGIAN C (KARANGAN RESPON TERBUKA) – 30 MARKAH**CADANGAN JAWAPAN**

1. Budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah anda masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Anda sebagai pustakawan sekolah ingin mencadangkan cara-cara meningkatkan amalan membaca dalam kalangan pelajar.

Tulis cadangan anda itu

a) Cadangan Isi

- i. Memperbanyak dan mempelbagaikan buku serta bahan bacaan di pusat sumber sekolah.
- ii Menganjurkan pertandingan banyak membaca dengan menawarkan hadiah lumayan.
- iii Mewujudkan sudut bacaan.
- iv Melaksanakan program NILAM.
- v Melengkapkan pusat sumber sekolah dengan sistem elektronik dan digital seperti internet dan audio visual.
- vi Mengadakan galeri buku secara berkala.

*Terima jawapan lain yang sesuai.

2. Perpaduan kaum penting dalam membentuk 1 Malaysia.

Berikan pendapat anda tentang cara- cara mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

a) Cadangan Isi:

- i Dasar Pelajaran Kebangsaan – menyatupadukan anak-anak dengan pendidikan yang seragam
- ii Memertabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan
- iii Memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat seperti bertimbang rasa, toleransi dan saling menghormati antara kaum.
- iv Perayaan pelbagai kaum disambut bersama-sama seperti Rumah Terbuka Malaysia.
- v Melalui aktiviti kokurikulum di sekolah.

*Terima jawapan lain yang sesuai.

3. Gejala sosial dalam kalangan remaja semakin membimbangkan.

Jelaskan langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk menangani gejala tersebut.

a) Cadangan Isi:

Contoh nilai-nilai murni yang boleh diamalkan.

- i. Ibu bapa hendaklah sentiasa memberikan perhatian kepada anak-anak mereka.
- ii. Penerbit stesen televisyen tidak menyiarkan filem-filem berunsur negatif/tidak bermoral melalui televisyen
- iii. Stesen televisyen dikehendaki menyiarkan filem-filem yang berunsur pendidikan
- iv. Mengasuh anak-anak dengan ilmu agama.

*Terima jawapan lain yang sesuai.

4. Anda terpilih menyertai pertandingan pidato antara kelas. Tajuk pidato itu ialah 'Menabung Menjamin Masa Depan Seseorang'.

Tulis teks pidato itu selengkapnya

a) Format : Pidato

- i. Kata alu-aluan
- ii. Menyatakan tajuk pidato
- iii. Mengadap majlis
- iv. Penutup

b) Cadangan Isi:

- i. Menabung amalan mulia – hapuskan sikap boros berbelanja dan memupuk semangat berjimat cermat.
- ii. Bekalan masa depan
- iii. Membantu ketika memerlukan atau ketika kecemasan
- iv. Mengelakkan daripada amalan berhutang.

*Terima jawapan lain yang sesuai.

Bahagian C
[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- 1 Budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah anda masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Anda sebagai pustakawan sekolah ingin mencadangkan cara-cara meningkatkan amalan membaca dalam kalangan pelajar.
Tulis cadangan anda itu.
- 2 Perpaduan kaum penting dalam membentuk '1 Malaysia.'
Berikan pendapat anda tentang cara-cara mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita.
- 3 Gejala sosial dalam kalangan remaja semakin membimbangkan.
Jelaskan langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk menangani gejala tersebut.
- 4 Anda terpilih menyertai pertandingan pidato antara kelas sempena sambutan Bulan Bahasa peringkat sekolah. Tajuk pidato yang akan anda sampaikan ialah 'Menabung Menjamin Masa Depan Seseorang'.
Tulis teks pidato itu selengkapnya.
- 5 'Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'.
Tulis sebuah karangan berdasarkan peribahasa tersebut.

Bahagian D
[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji dalam Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga.

- 1 **Kapten Hassan Wira Bangsa**, karya Harun Johari.
- 2 **Merdeka! Merdeka**, karya A. Rahman Hanafiah.

Jelaskan satu peristiwa sedih dan satu peristiwa gembira yang dialami oleh watak utama dalam setiap novel di atas.

KERTAS SOALAN TAMAT